

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' NGEH KOO HAM

SOALAN

DATO' NGEH KOO HAM (BERUAS) minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan bilakah Balai Polis Ayer Tawar akan dibina semula dan diperbesarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Balai Polis Ayer Tawar terletak di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Manjung, Perak di mana jarak dari Balai Polis ke IPD adalah sejauh 15km dan beroperasi di tapak tanah Lot No. 168, Kg. Batu seluas 1.472 ekar.

Balai ini mempunyai komponen bangunan pentadbiran Balai Polis dan 11 unit rumah kelamin (1 kelas F dan 10 kelas G). Balai ini beroperasi dengan kekuatan seramai 30 orang yang diketuai oleh seorang Pegawai Polis berpangkat Sub-Inspektor dengan keanggotaan seperti berikut :

- a. Sub Inspektor - 1 orang
- b. Sarjan - 1 orang
- c. Koperal - 8 orang
- d. Lans Koperal - 16 orang
- e. L/Kpl / Kons/S - 3 orang

SOALAN NO : 325

Meskipun Balai ini telah berusia, ianya masih dapat beroperasi dalam keadaan yang agak kondusif. KDN dan PDRM sentiasa memberi perhatian terhadap balai seumpama ini seperti membaiki kerosakan-kerosakan kecil yang memerlukan penyelenggaraan dan melakukan pembaikan berkala.

Pembangunan semula Balai Polis Ayer Tawar di tapak sedia ada tidak dapat dilaksanakan kerana kawasannya yang terlalu kecil memandangkan Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi telah menetapkan keluasan tapak yang diperlukan bagi pembinaan sesebuah Balai Polis baharu adalah lima (5) ekar sehingga sepuluh (10) ekar. Pihak PDRM dengan kerjasama Kerajaan Negeri dalam tindakan mengenalpasti lokasi tapak yang bersesuaian untuk tujuan pengambilan bagi pembinaan Balai yang baharu di masa hadapan.